

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS PER-
JUMPAAN DENGAN WAKIL-WAKIL BADAN-
BADAN DAKWAH ISLAMIAH SELURUH MA-
LAYSIA DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA,
KUALA LUMPUR PADA 29HB APRIL, 1974

Y. B. Tan Sri Syed Nasir Ismail, Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Saudara-saudara Pemegang Amanah Dakwah Islamiah, saudara-saudara sekalian yang hadir.

Assalamualaikumwarahmatulahi Wabarakatuh!

Saya bersyukur ke hadzrat Allah Subahanahu Waataala kerana dengan taufik dan hidayahNya kita dapat mengadakan perjumpaan hari yang dihadiri oleh wakil-wakil badan-badan dakwah Islamiah dari seluruh negara, dan juga wakil-wakil dari Majlis Ugama Islam Negeri-negeri. Perjumpaan kita hari ini merupakan satu titik kemajuan yang penting semenjak Yayasan Dakwah Islamiah dirasmikan pembukaannya pada 1 Muharram yang lalu.

Perjumpaan kita hari ini ialah julung-julung kali diadakan yang menghimpunkan pertubuhan-pertubuhan yang terlibat dalam kegiatan dakwah iaitu usaha suci yang diberkati oleh Allah s.w.t. Saya mengucapkan tahniah kepada Y. B. Tan Sri Syed Nasir yang telah berusaha keras mengatur perjumpaan yang penting ini serta mengucapkan terimakasih kepada saudara-saudara semua kerana dapat melapangkan masa datang ke mari untuk bersama-sama menjayakan langkah yang maha baik ini. Sesungguhnya, dengan mengadakan perjumpaan seperti ini dari semasa ke semasa, maka dapatlah kita mengatur dan menyusun langkah dan usaha kita dengan sebaik-baik serta menyelaraskan kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Badan-badan Dakwah di setiap negeri supaya semuanya berjalan dengan berkesan dan memuaskan. Di samping itu kita juga dapat mempererat lagi tali persaudaraan di kalangan berbagai golongan masyarakat Islam di tanahair sebagaimana yang diredai Allah.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang kita sama-sama maklum, negara sedang giat membangun dalam segala bidang khasnya bidang ekonomi dan sosial dengan tujuan memberikan rakyat taraf hidup yang lebih

baik dan kehidupan yang lebih sempurna. Sayugia saya tegaskan bahawa usaha-usaha pembangunan yang kita jalankan itu bukanlah semata-mata ditumpukan pada aspek material atau kebendaan saja bahkan sama-sama menitikberatkan aspek keugamaan atau rohani. Pembangunan dan ugama hendaklah berjalan serentak kerana kedua-duanya adalah satu nafas dan satu aliran. Pembangunan ekonomi dan sosial bermaksud membawa kita kepada kemajuan dunia dan amalan ugama akan membawa kita kepada kebahagiaan dunia akhirat. Inilah sebenarnya hasrat dan cita-cita suci kita dalam usaha pembangunan masyarakat baru Malaysia iaitu kemajuan yang penuh dengan kesejahteraan dan kebahagiaan.

Maka itu dalam menjalankan langkah dan usaha dakwah, saya harap patut benar ditekankan tentang hubungan antara kewajipan ugama dan cita-cita pembangunan ini, terutama kepada golongan muda. Sudah lazim. dalam perlumbaan hidup zaman sekarang, terdapat emphasis atau kecenderungan yang lebih kepada aspek material atau kebendaan sedang aspek rohaniah tidak begitu dititikberatkan. Ini menimbulkan keadaan yang kurang sihat dan tidak seimbang. Begitu juga tidaklah diingini kecenderungan setengah-setengah pihak yang terlalu mementingkan amalan untuk akhirat yang melebihi atau melampau hingga mengabaikan kehidupan dunia sama sekali.

Kita maklum ada hadith Nabi Junjungan kita yang lebih kurang bermaksud "Hendaklah kamu berusaha untuk dunia seolah-olah kamu akan hidup seribu tahun dan hendaklah kamu berusaha untuk akhirat seolah-olah kamu akan mati besok hari". Jelaslah maksud beliau itu supaya ada perimbangan dalam perbuatan dan amalan kita kerana adalah nyata kegiatan ugama tanpa pembangunan tidak akan maju sedangkan pembangunan saja tanpa menjalankan hukum-hukum Allah akan terumbang-ambing kerana salah arahan.

Saudara-saudara sekalian.

Sesungguhnya usaha mewujudkan perimbangan kedua-dua bidang pembangunan kebendaan dan kerohanian adalah tanggung-jawab kedua-dua Kerajaan dan badan-badan dakwah. Kerajaan, melalui Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam, akan memesatkan usaha-usaha dakwah ini menerusi pegawai-pegawai yang berkeelayakan yang diambil baru-baru ini. Begitu juga

menerusi Instiliut Dakwah dan Pusat Penyelidikan Islam yang ditubuhkan itu, diharap kegiatan-kegiatan dakwah yang intensif dan penyelidikan Islam yang bermutu dapat dilaksanakan. Saya harap penyebaran dakwah akan meliputi semua peringkat masyarakat baik di kalangan pelajar-pelajar, guru-guru, pegawai-pegawai Kerajaan dan lain-lain. Dengan usaha-usaha dakwah yang berkesan, kita berharap umat Islam di negara kita, terutama muda mudi, bukan sahaja dapat mengisi dada mereka dengan ilmu pengetahuan yang secukupnya, bahkan menjadikan mereka orang yang taat kepada Tuhan dan mempunyai akhlak yang baik dan mulia supaya dengan itu menjadi warga negara yang berguna dan yang maju menurut keadaan zaman sains dan teknologi.

Saudara-saudara sekalian.

Dalam masa kita berhadapan dengan pergolakan hidup manusia yang sedang berlumba-lumba mengejar kemajuan kebendaan dan terpengaruh pula oleh konsep sosial yang liberal seperti yang berlaku sekarang ini, maka tugas dakwah adalah sangat besar dan sukar, kerana tugasnya yang utama ialah membetulkan pandangan atau konsep hidup yang sedemikian, lebih-lebih lagi di kalangan umat Islam. Jadi, tugas ini bukanlah boleh dijalankan secara sambil lewa sahaja atau dengan secara kilat, kerana usaha menukarkan sikap dan pandangan hidup manusia adalah memerlukan teknik dan strateji yang teratur rapi dan menghendaki perancangan yang sempurna serta melalui beberapa peringkat jangkamasa yang tertentu.

Oleh yang demikian, saya berharap perjumpaan saudara-saudara pada hari ini akan dapat mencapai rumusan-rumusan yang bernas dan praktikal serta dinamis untuk dijadikan landasan untuk pelaksanaan dakwah Islamiah yang lebih berkesan. Saya suka menyeru kepada saudara-saudara semua supaya menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan mengenyepikan kepentingan diri dan masalah-masalah persendirian supaya dapat menumpukan sepenuh usaha dan tenaga untuk mencapai cita-cita membaiki akhlak umat Islam dan meninggikan darjat ugama Islam di negara kita.

Saudara-saudara sekalian.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana negara Malaysia yang kecil ini telah dapat memberi sumbangan

yang bererti dalam kehidupan umat Islam dan meninggikan syiar Islam di negara kita yang merdeka ini. Peranan yang kita mainkan di dalam lapangan ini bukan sahaja telah dapat mengukuhkan perpaduan umat Islam di negara kita bahkan lebih dari itu negara kita telah menjadi terkenal di kalangan negara-negara Islam sebagai salah satu negara Islam yang terkemuka.

Kita telah mendapat kepercayaan dan penghormatan negara-negara Islam di dunia dan ini terbukti di dalam Persidangan Negara-negara Islam di Lahore baru-baru ini, di mana negara kita telah dipilih menjadi tuan rumah bagi Persidangan Menteri-menteri Luar Negara Islam yang akan berlangsung di Kuala Lumpur pada bulan Jun ini. Saya percaya dengan kebolehan dan kemampuan yang telah kita buktikan pada masa-masa yang lalu di dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab antara-bangsa, maka Insya Allah Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam yang akan diadakan itu akan dilangsungkan dengan jayanya dan dengan itu menaikkan lagi imej Negara kita di kalangan dunia Islam khususnya dan seluruh dunia amnya.

Saudara-saudara sekalian.

Sekianlah sahaja sedikit sebanyak pesanan dan harapan saya kepada Perjumpaan hari ini, semoga perbincangan saudara-saudara akan menghasilkan rumusan-rumusan yang akan menjadi panduan kita bersama dalam melaksanakan tugas dakwah ini. Saya akhiri dengan doa mudah-mudahan Allah memberikan taufik dan hidayahNya serta memberkati segala usaha kita sehingga tercapai hasrat dan cita-cita meninggikan syiar Islam di Negara kita dan dunia.

Dengan itu, saya dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang dengan sukacitanya merasmikan Perjumpaan ini.